



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN DANA PENERBITAN BUKU (DPB)

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuat Kuasa
03	02	9/02/2022

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen terkawal ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan yang dinyatakan di dalam Rekod Pindaan.

REKOD PINDAAN					
No. Bil	No. Isu	No. Semakan	Muka Surat	Ringkasan Pindaan	Tarikh Kuat Kuasa
1.	01	00	1-12	-	01/04/2020
2.	02	01	4-11	Pindaan pada beberapa perkara dalam Bahagian 1-7	18/3/2021
3.	03	02	4-11	Pindaan pada beberapa perkara dalam Bahagian 1-7	09/02/2022

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	4
2.0 BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	7
3.0 BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)	7
4.0 BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	8
5.0 BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	9
6.0 BAHAGIAN 6 (PERANAN)	10
7.0 BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)	11

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

1.1. PENGENALAN

Dalam usaha menyebarkan ilmu dan pengetahuan daripada staf akademik/penyelidik UKM melalui penghasilan karya dalam bentuk buku penyelidikan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) Bil. 6/2020 pada 17 Mac 2020 telah meluluskan agihan peruntukan Dana Universiti Penyelidikan Tahun 2020 untuk pembiayaan bagi Dana Penerbitan Buku (DPB).

Dana ini bertujuan untuk penyelidik menghasilkan karya dalam bentuk buku dalam bidang-bidang tertentu untuk disampaikan kepada masyarakat dan sesuai untuk bacaan umum. Usaha ini diharap dapat meningkatkan jumlah karya bermutu hasil penyelidikan pakar-pakar UKM.

1.2. OBJEKTIF

- a) Menggalakkan penghasilan buku berasaskan penyelidikan.
- b) Menggalakkan penghasilan karya asli dengan elemen penyelidikan yang menonjolkan kepakaran pengarang dalam sesuatu bidang dengan gaya persembahan yang sesuai untuk bacaan umum.
- c) Menggalakkan penghasilan karya yang dapat memberi impak kepada masyarakat serta berpotensi untuk dicalonkan dalam sebarang anugerah buku atau penerbitan.
- d) Menggalakkan penerbitan buku berindeks daripada staf akademik UKM.

1.3. DOMAIN PENYELIDIKAN

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu domain penyelidikan seperti berikut:

- a) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences).
- b) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering).
- c) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical Health and Sciences).
- d) Sains Sosial (Social Sciences).
- e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts).
- f) Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage).
- g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology)

1.4. KLUSTER PENYELIDIKAN

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu kluster penyelidikan seperti berikut:

- a) Transformasi Sosial dan Ekonomi.
- b) Teknologi Terkehadapan dan Digital.
- c) Kesihatan dan Perubatan Termaju.
- d) Sumber Lestari Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar.
- e) Warisan dan Masyarakat Madani.

1.5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik aktif UKM (berdasarkan glosari MyRA).
- b) Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UKM mestilah lengkap, kemas, bersih dan selaras. Manuskrip tersebut merupakan pemikiran terakhir sesuatu penulisan dan bukannya suatu draf yang akan dipinda kemudiannya.
- c) Manuskrip yang disampaikan tebalnya mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 30,000 patah perkataan tidak termasuk bahagian Rujukan dan minimum empat bab. Sekiranya manuskrip tidak mencapai jumlah minimum permohonan akan ditolak.
- d) Pengarang tidak boleh melebihi tiga orang.
- e) Penulisan hanya dalam satu bahasa sahaja iaitu bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.
- f) Pemohon tidak boleh menghantar lebih daripada dua permohonan.
- g) Buku yang akan dihasilkan adalah dari penyelidikan semasa/lepas.
- h) Permohonan yang berjaya wajib diterbitkan pada tahun semasa.
- i) Pengarang yang akan berpujian pada tahun semasa pembukaan Dana Penerbitan Buku (DPB) tidak dibenarkan memohon.
- j) Bagi manuskrip tesis ke buku, tesis perlu dirombak untuk mengikut gaya penulisan buku dan gaya Penerbitan Penerbit UKM selain pemohon perlu menyertakan laporan penilaian tesis.
- k) Pemohon yang berjaya perlu menyerahkan manuskrip melalui sistem e-manuskrip Penerbit UKM: emanuskrip.ukm.my. Pengarang perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum memuat naik manuskrip serta bahan lain yang berkaitan.

1.6. TEMPOH PENERBITAN BUKU

Jangkamasa projek adalah enam hingga 12 bulan sahaja dari tarikh penerimaan tawaran geran. Permohonan tambah masa tidak dibenarkan.

- a. Buku diterbitkan Penerbit UKM (6 bulan)
- b. Buku diterbitkan penerbit antarabangsa (12 bulan)

1.7. SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan adalah RM10,000.00

1.8. TATACARA PERMOHONAN

- a) Pemohon perlu mengemukakan permohonan penyelidikan melalui **Borang Permohonan Dana Penerbitan Buku (DPB)**
- b) Permohonan perlu dikemukakan sebelum atau pada tarikh tamat permohonan sebagaimana yang ditetapkan oleh Penerbit UKM. Permohonan yang lewat tidak dapat dipertimbangkan.

1.9. PERATURAN PERBELANJAAN

Penggunaan peruntukan dibenarkan untuk perkara berikut sahaja di bawah vot 29000 iaitu :

- a) bayaran percetakan/penerbitan
- b) bayaran suntingan.

1.10. HASIL

Setiap projek hendaklah menghasilkan satu (1) buku penyelidikan atau empat (4) bab dalam buku penyelidikan dengan memenuhi perkara berikut:

- a) Penerbitan diterbitkan oleh Penerbit UKM.
- b) Penghargaan kepada universiti dan geran penyelidikan mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- c) Penerbitan perlu didaftarkan di Sistem e-Repository Penerbitan.

1.11 TEMPOH IKLAN

Penerbit UKM akan membuat pemakluman mengenai tarikh buka dan tutup permohonan melalui Portal e-Warga, hebahan rasmi kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat dan pemakluman di laman web Penerbit UKM (www.ukm.my/penerbit) dan laman web CRIM.

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

2.1 PENILAIAN

- a) Permohonan DPB akan dinilai oleh para penilai fakulti yang dilantik oleh Penerbit UKM.
- b) Perakuan daripada panel penilai akan dimajukan ke Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) bagi tujuan kelulusan.
- c) Keputusan sama ada manuskrip yang dihantar akan diterbitkan atau sebaliknya adalah tertakluk kepada penilaian manuskrip dan keputusan Sidang Pengarang Universiti (SPU).
- d) Manuskrip yang diolah daripada tesis ke buku tertakluk kepada laporan pemeriksa dan keputusan oleh Mesyuarat Jawatankuasa MyRA.
- e) Carta alir permohonan dan kelulusan adalah seperti pada Bahagian 7.

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

3.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- a) Keputusan permohonan DPB akan dimaklumkan kepada pemohon melalui Emel dalam tempoh sepuluh (10) hari selepas kelulusan Mesyuarat JKP&P.
- b) Peruntukan RM3,000 hanyalah untuk terbitan e-buku (*e-book*) sahaja.

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1. LAPORAN AKHIR

Laporan akhir atau laporan jejak kunci projek penerbitan perlu dihantar **selepas tarikh tamat** projek. **Kegagalan menghantar laporan akhir akan menyebabkan Ketua Projek disenarai hitam** daripada memohon sebarang projek penyelidikan di bawah Dana Universiti Penyelidikan.

- a) Buku diterbitkan Penerbit UKM (3 bulan selepas tamat projek)
- b) Buku diterbitkan penerbit antarabangsa (setiap tempoh tiga bulan)

BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)

5.1. KETUA PROJEK BERHENTI / PINDAH FAKULTI/INSTITUT/PUSAT (F/I/P)

Fakulti perlu memaklumkan kepada Penerbit UKM tentang ketua projek yang telah/akan berhenti perkhidmatan di UKM. Projek yang diluluskan akan terus kekal di F/I/P berkenaan dan tidak boleh dipindahkan ke F/I/P lain.

BAHAGIAN 6 (PERANAN)

6.1. PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (CRIM)

- a) Membuat pindahan dana kepada Penerbit UKM

6.2. PENERBIT UKM


- a) Menerima dan memproses permohonan yang dihantar sebelum atau pada tarikh tutup permohonan.
- b) Membuat pemakluman kepada fakulti dan pemohon yang berjaya
- c) Membuat pemantauan terhadap kemajuan projek penyelidikan.

6.3. KETUA PROJEK PENERBITAN BUKU

- a) Membaca dan memahami garis panduan Dana Penerbitan Buku sebelum memohon.
- b) Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti dikehendaki.
- c) Memastikan penerbitan berjalan lancar dan efektif untuk mencapai objektif penyelidikan dan jejak kunci mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberikan.
- d) Mengemukakan laporan akhir selepas projek tamat.
- e) Bagi penerbitan dengan penerbit antarabangsa perlu kemuka laporan kemajuan setiap tiga bulan kepada Penerbit UKM.

6.4. PENGARANG BERSAMA

- a) Menjalankan urusan penerbitan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- b) Bertanggungjawab dalam penghantaran laporan akhir.



PENERBIT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM BANGI
SELANGOR
NO. TEL: 03-89215370/5840/3496
LAMAN SESAWANG: <http://www.ukm.my/penerbit/>